

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: PPA UUM COB
Sent: Monday, April 16, 2018 3:09 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Cc: Dr. Hendrik bin Lamsali; Wan Norazlinda binti Wanchik
Subject: MADA TALK: HYDROPONIC USING WASTE PRODUCT AND OSYTER MUSHROOM



Nurturing Future Leaders, Expanding Opportunities

Pejabat Pembangunan Pelajar dan Alumni

16 APRIL 2018 / 29 REJAB 1439H

=====

“UUM: UNIVERSITI PENGURUSAN TEKEMUKA”
(*THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY*)

Assalamualaikum & salam sejahtera

Berita dan gambar oleh: Kelab MyAgrosis

MADA TALK: HYDROPONIC USING WASTE PRODUCT AND OSYTER MUSHROOM



Kelab Malaysia Agroentrepreneurial Club For University Students atau lebih dikenali sebagai MyAgrosis UUM dengan kerjasama Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) telah menjalankan satu program “MADA Talk: Hydroponic using Waste Product and Oyster Mushroom” pada 10 April 2018 bertempat di DKG 3/2 UUM.

Program ini telah menarik penyertaan lebih 100 mahasiswa dan diadakan bertujuan untuk memberi pendedahan kepada mahasiswa tentang saluran perniagaan dan pertanian sekiranya mereka berminat dan ingin menceburi bidang tersebut memandangkan industri pertanian mampu memberi pulangan pendapatan yang lumayan.

Hydroponic using Waste Product ini bakal diperkenalkan di Universiti Utara Malaysia (UUM) sebagai satu keadah tanaman Hidroponik yang baharu dimana dengan menggunakan bahan terpakai dan terbiar seperti botol plastik, cawan dan paip. Sistem paip atau *piping system* merupakan satu keadaan agak baharu diperkenalkan dalam industri ini dan terbaru daripada Myagrosis UUM.

Kelebihan hidroponik ini adalah dimana kita dapat menanamnya secara kecil-kecilan mahupun secara komersial. Tambahan itu, keadah ini dapat menjimatkan ruang dan kos pengendalian serta tanaman tidak terdedah kepada semburan racun perosak yang boleh menjejaskan kualiti tanaman.

Taklimat disampaikan oleh Encik Shahrizal bin Mohd Noor, Ketua Cawangan Pemasaran Bahagian Industri AsasTani dan Bukan Padi (MADA). Turut serta penyelaras program Myagrosis, pegawai MADA, Encik Mat Zaidi Bin Tahir dan Encik Abdullah Suhaimi, wakil daripada pihak Agrobank, Penasihat Kelab Myagrosis UUM dan barisan pensyarah Sains Pengurusan PerniagaanTani.

Pejabat Pembangunan Pelajar & Alumni
UUM College of Business
Universiti Utara Malaysia
06010 UUM Sintok, Kedah
☎ 04-928 6610
☎ 04-928 6606
Website: <http://uumpacob.uum.edu.my>
Facebook: www.facebook.com/PPACOB



Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.